



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**

TARIKH : 15 MEI 2025 | 17 ZULKAEDAH 1446 H
HARI : KHAMIS

BIL.	AGENSI MEDIA	TAJUK
1.	Kosmo	Pemancing dan ikan pendatang

Ringkasan Eksekutif

Pada **15 Mei 2025**, sebanyak **1** liputan media berkaitan Jabatan Perikanan Malaysia telah diterbitkan. Daripada jumlah tersebut, **0** liputan bersifat positif, **1** bersifat neutral, dan **0** liputan negatif direkodkan.

Disediakan oleh :

**Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perikanan Malaysia**

1.	Tajuk	Pemancing dan ikan pendatang
	Akhbar/Media	Kosmo
	Muka surat/capaian	24-25
	Kategori Liputan	Neutral

Pemancing dan ikan pendatang

INILAH yang berlaku pada keseluruhan sistem perairan negara kita terutamanya di kawasan air tawar apabila dibanjiri ikan pendatang. Apakah solusi terbaiknya?



Oleh Dr. Izharuddin Shah Kamaruddin

RAMAI dalam kalangan pencinta alam, selain persatuan dan kumpulan persendirian menyatakan kebimbangan terhadap keberagaman spesies ikan pendatang ini. Contohnya, ikan keli Afrika, bandaraya, baung ekor merah, patin Chao Phraya, peacock bass dan banyak lagi.

Kesemua ikan pendatang ini berasal dari luar negara, dan bukannya ikan tempatan atau asli. Kebanyakannya diimport dari negara seperti Amerika Selatan, Afrika, China, India, Indonesia, Thailand dan pelbagai lagi.

Asalnya, ia dibawa masuk sebagai ikan hiasan atau untuk dijual di dikan ikan ternakan akuakultur.

Masalah berlaku apabila ikan hiasan ini membesar dan pemilik tidak lagi mahu memeliknya. Maka, ia dilepaskan ke dalam parit, sungai dan tasik.

Begitu juga dengan ikan ternakan akuakultur, apabila berlaku banjir, kolam serta sangkar ternakan melimpah keluar dan pecah. Beribu-ribu ikan-ikan terlepas ke perairan tempatan.

Kesannya amatlah dahsyat. Di sesetengah tempat, hanya ikan pendatang yang boleh ditemui. Ikan tempatan atau ikan asli, sudah tidak lagi dijumpai.

Ikan tempatan atau ikan asli ini termasuklah lampam sungai, haruan,

toman, keli kampung dan banyak lagi. Ikan-ikan asli kini diancam kepupusan.

Kajian pemancing terhadap ikan pendatang

Apakah pendapat pemancing tentang ikan pendatang ini? Apakah spesies ikan pendatang yang menjadi kegemaran mereka?

Satu kajian telah dijalankan untuk mengukur tahap kegemaran pemancing terhadap 16 spesies ikan pendatang. Seramai 132 pemancing telah menjawab soal selidik ini.

16 ikan pendatang ini termasuklah keli Afrika, tilapia merah, tilapia hitam, mayan cichlid, nap, Cichla monoculus, Cichla temensis, patin Siam, patin Chao Phraya, bandaraya, arapaima, largemouth bass, baung ekor merah, pacu, robu dan catla.

Tiga respons yang dapat ditumpukan. Pertama, ikan pendatang yang tidak digemari pemancing adalah ikan bandaraya.

Kedua, ikan pendatang sederhana digemari pemancing adalah ikan mayan cichlid, kap, pacu, robu dan catla.

Selengkapnya, ikan-ikan tersebut termasuk dalam respons ketiga iaitu menjadi kegemaran pemancing.

Malah, dalam banyak-banyak ikan

pendatang ini, tiga spesies kelihatan begitu penting bagi pemancing iaitu ikan tilapia, peacock bass dan patin (termasuklah patin Siam dan patin Chao Phraya).

Mungkin ikan-ikan ini penting kerana daya 'melawannya'. Selain itu, mungkin juga kerana nilai ikan tersebut iaitu mudah untuk dijual dan enak jika dijadikan hidangan.

Akhiru, walaupun ikan pendatang

banyak mendatangkan mudarat kepada ekosistem, namun ikan-ikan ini tetap mendapat tempat serta mempunyai kepentingan kepada pemancing.

Pengurusan berkesan ikan pendatang

Apa yang boleh dilakukan, jika ada pemancing yang suka dengan ikan pen-





datang?

Antara perkara yang boleh dilakukan adalah dengan membentuk perantaraan dan mesyuarat yang jika tentang ikan pendatang kepada masyarakat.

Lebih banyak latihan dan program kesedaran perlu dilaksanakan. Ini boleh dilaksanakan oleh agensi yang mengurus sumber perikanan, universiti tempatan, sebuah pihak swasta dan pihak berkepentingan lain.

Pengawasan tentang kawalan ikan pendatang ini masih rendah dalam kalangan rakyat. Apa pendapatnya, apa pendapatnya, apa yang perlu dilakukan apabila terdapat ikan pendatang?

Strategi yang mampan serta peruntukan besar diperlukan terutamanya dalam menjalankan program, aktiviti serta kempen bagi mengurangkan atau sedikit-dikitnya mengurangkan populasi ikan pendatang di perairan negara.

Sebagai contoh, latihan yang dijalankan oleh sebuah agensi kerajaan baru-baru ini dalam menggalakan tarakan ikan bandang dan bang ehor merah dengan menyelaraskan jumlah ikan bagi setiap kawasan ikan ditangkap.

Kempen sebegini harus diperluaskan di seluruh negara serta melibatkan agensi ikan pendatang yang lain juga.

Selain itu, amalan tangkap dan bawa balik (catch-and-release) boleh dilakukan sebagai salah satu kaedah kawalan ikan pendatang.

Ini terutamanya dalam kalangan

pemancing yang memancing di perairan semula jadi. Mereka perlu tangkap dan simpan ikan pendatang yang telah ditangkap.

Kawasan import ikan pendatang juga perlu dikuatkuasakan sepenuhnya.

Hanya kepada pengimport yang benar-benar mematuhi peraturan berkaitan yang telah ditetapkan.

Ini kerana, jika larangan terus dikuatkuasakan, ia pasti akan merugikan kerawakan industri perikanan rekreasi di Malaysia.

Sebagai contoh, pemancing yang memburu ikan bersaiz mega, seperti ikan arapaima atau ikan patin Chan Phraya. Mereka akan lebih memancing semata-mata untuk memburu ikan pendatang.

Perbetaraan memancing mereka mengancam kepada ekonomi setempat sekali sahaja kepada industri perikanan rekreasi negara.

Maka langkah proaktif dalam mengawal kebajikan ikan pendatang serta pengurusan yang berkesan haruslah diperkemas dan diperketatkan.

Lebih banyak latihan diberikan adalah perlu dijalankan, terutamanya dalam mendapatkan persepsi serta kepentingan ikan pendatang kepada komuniti (termasuk pemancing).

Umpana menarik rambut di dalam tepung, langkah kawalan dan penyelesaian perlulah dilakukan dengan cekap dan bijak, serta dalam kadar segera.

Kebajikan ikan pendatang masih boleh dirawat sebelum semuanya terlambat.

“Strategi yang mampan serta peruntukan besar diperlukan dalam menjalankan program, aktiviti serta kempen bagi mengurangkan atau sedikit-dikitnya dapat mengurangkan populasi ikan pendatang di perairan negara.”

1. Tapis antara spesies ikan pendatang yang paling awal di negara ini.

2. Ikan rebus yang berasal dari India telah menghuni banyak perairan lombong di sekitar Pulau.

3. Ikan pencok besi yang menjadi ikan ikan di kebanyakan negara telah berkembang biak di Malaysia.

4. Ikan largemouth bass yang asalnya hanya terkutub di beberapa lokasi di Cameron Highlands, Pahang kini sudah tersebar di beberapa lombong di Pulau.

5. Ikan pancing yang berasal dari Amerika Selatan asalnya hanya ditangkap di kolam-kolam pancing.

6. Ikan green chromide cichlid adalah ancaman terbaharu di kawasan muara terutamanya di Pantai Timur Malaysia.

7. Ikan tilapia merah yang asalnya dibawa masuk ke negara kita sebagai sumber makanan.

RINGKASAN :

Asalnya ikan pendatang ini dibawa masuk sebagai ikan hiasan dan juga dijadikan ikan ternakan akuakultur. Masalah berlaku apabila ikan ini membesar dan pemilik tidak lagi mahu membelanya. Maka, ia dilepaskan ke dalam parit, sungai dan tasik.